

Sembilan pegawai sertai Golf Pengarah UMSKAL

OLEH JAINUDIN DJIMIN

jainudin@newsabah-times.com.my

NST 10.4.2013 22

LABUAN Seramai sembilan pegawai dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menyertai pertandingan golf anjuran Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Mereka ialah Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah, Pensyarah SPKAL, Raymond Liew, Penolong Pendaftar Kanan HEP, Musnin Mattersah, Pustakawan Kanan, Baharin Entoh dan Pegawai Teknologi Maklumat, Ismetzulfiqar Ahmad Shafee.

Turut menyertai pertandingan itu ialah Penolong Pendaftar HEP, Suffian Osman, Penolong Jurutera Kanan, MdAzrie Ag Tanjong, Pemandu Kanan, A Roslee A Karimdan dan Dr Ismail sendiri.

Pertandingan tersebut diadakan di Padang Kelab Golf Labuan (LGC), dekat sini baru-baru ini.

Menurut Dr Ismail, pertandingan itu diadakan sempena Ulang Tahun ke-14 UMSKAL, selain mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara staf.

“Saya berharap lebih ramai pegawai dan kakitangan UMSKAL menceburi sukan golf untuk mewakili UMS pada masa akan datang,” katanya.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah di Rumah Kesumba sempena lawatan kerja beliau ke UMSKAL, Sabtu lalu.

Turut hadir Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Bendahari UMS, Haji Rizal Othman, Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainul Abidin dan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim.